

Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan

Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali

Abstrak

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 adalah satu-satunya mekanisme yang boleh digunakan oleh orang Islam untuk memberi pengiktirafan undang-undang kepada pengangkatan yang dilakukan. Persoalannya, adakah akta tersebut dapat menangani keperluan-keperluan khusus yang dituntut dalam proses pengangkatan anak menurut perspektif Islam? Kajian ini menjawab persoalan ini dan mengenalpasti keperluan orang Islam terhadap satu peraturan khusus berkaitan pengangkatan anak. Analisis yang dilakukan terhadap Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam di setiap negeri di Malaysia mendapati bahawa Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam belum mencukupi untuk menangani keperluan ini. Akta tersebut lebih menjurus kepada tatacara bagaimana pendaftaran pengangkatan dilakukan. Ada syarat-syarat pendaftaran pengangkatan yang diperuntukkannya mengelirukan jika dilihat dari perspektif Islam. Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam pula hanya memfokuskan terhadap kewajipan memberi nafkah kepada anak angkat, sedangkan konsep pengangkatan anak adalah lebih luas. Walaupun akta dan enakmen-enakmen ini boleh digunakan untuk penjagaan kebajikan anak angkat, namun ia tidak berupaya untuk memberikan panduan kepada orang Islam tentang tatacara pengangkatan Islam. Oleh kerana umat Islam adalah golongan yang paling ramai memohon untuk mengambil anak angkat, adalah wajar sekiranya satu usaha diinisiatifkan untuk menggubal enakmen atau peraturan-peraturan khusus yang boleh dikuatkuasakan sebagai panduan yang mesti dipatuhi oleh setiap keluarga angkat Islam.

Kata Kunci: pengangkatan; anak angkat.

Abstract

The Registration of Adoption Act 1952 is the only mechanism that can be utilized by Muslims to ensure that their adopted child is legally recognized. The question here is whether or not this Act can cater to the special needs of the Islamic adoption rules? This study tries to answer this question and identify the Muslims' needs for specific written rules regarding Islamic adoption procedures. Analysis is done on the Registration of Adoption Act 1952 and various enactments on Islamic Family Laws that are being applied in each state. It is found that the said Act and enactments are not sufficient to proffer these needs. The Act itself seems to converge more on the procedural aspects on how an adoption shall

be registered. There are also misleading conditions if looked at from the Islamic perspective. On the other hand, the Islamic Family Laws Enactments only focus on the duty to provide sustenance to an adopted child while adoption wider than that. Although these Acts and enactments can be utilized to secure the adopted child's welfare, it is unfortunately unable to reveal the clear Islamic procedural aspects in adopting a child. Due to the fact that Muslims are the majority who apply to register their adoption, it is therefore very reasonable to draft enactments or rules and regulations that must be strictly adhered to by every Muslim adopting family.

Keyword: adoption; adopted child.

Pengenalan

Praktik pengangkatan anak di Malaysia, telah berlaku sebelum apa-apa perundangan mengenainya digubal. Masyarakat Melayu dahulu mempunyai adat yang tersendiri dalam hal berkaitan pengangkatan, walaupun terdapat sebahagiannya yang bercanggah dengan Islam. Sebagai contohnya *kadim adat dan pesaka*, yang menetapkan bahawa seorang perempuan dan anak-anaknya sama ada yang lahir sebelum atau selepas proses pengangkatan berlaku akan diberikan semua hak pewarisan dan juga tanggungjawab sama seperti yang dimiliki oleh anak perempuan kandung dan cucu kandung keluarga angkatnya (Ahmad Ibrahim 1984).

Pada hari ini terdapat dua akta yang mengawalselia pengangkatan kanak-kanak di Malaysia iaitu Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253). Akta Pengangkatan 1952 tidak terpakai kepada orang Islam, tetapi Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 terbuka untuk orang Islam dan juga bukan Islam. Lantaran itu ianya banyak digunakan oleh orang Islam. Datuk Alwi Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, menyatakan bahawa orang Melayu adalah golongan yang paling ramai memohon untuk mendaftarkan pengangkatan *de facto* anak angkat mereka. Bagi tahun 2010 sebanyak 6,259 permohonan telah diterima dan 3,418 darinya adalah dari pemohon berbangsa Melayu (<http://www.utusan.com.my>.)

Walaupun Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ini banyak digunakan oleh orang Melayu yang beragama Islam menurut perlembagaan Malaysia, namun akta ini masih belum memadai untuk dijadikan panduan bagi menggariskan peraturan-peraturan yang sepatutnya diikuti oleh orang Islam dalam pengangkatan anak. Lebih menyulitkan, Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam di semua negeri di Malaysia juga tidak memperuntukkan satu garis panduan yang jelas mengenainya.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam setiap negeri dari perspektif Islam bagi mengenalpasti kekurangan-kekurangan yang menyebabkan perlunya digubal satu peraturan atau enakmen lain yang berkaitan dengan pengangkatan anak menurut Islam. Selain itu kajian ini cuba membuktikan bahawa garis panduan Islam yang berkaitan dengan pengangkatan juga sebenarnya dapat mencapai objektif yang sama, bahkan lebih baik dalam konteks penjagaan kebajikan anak-anak angkat. Bagi tujuan ini, kaedah analisis dokumen digunakan yang merangkumi Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam setiap negeri dan buku-buku yang berkaitan.

Pendaftaran Pengangkatan Melalui Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, tidak memberikan apa-apa takrifan yang jelas kepada pengangkatan. Takrifan pengangkatan juga tidak diberikan dalam Akta Pengangkatan

1952. Walau bagaimanapun, takrifan terhadap kanak-kanak, anak angkat dan pengangkat (adopter) ada dinyatakan. Dalam seksyen 2, Akta Pengangkatan 1952, kanak-kanak ditakrifkan sebagai orang yang belum berkahwin di bawah usia 21 tahun dan termasuk juga perempuan di bawah usia tersebut yang telah diceraikan. Anak angkat pula ditafsirkan sebagai kanak-kanak yang telah diperakukan oleh mahkamah untuk diangkat (to be adopted) atau diulang angkat (re-adopted). Pengangkat pula ditakrifkan oleh akta ini sebagai orang yang diperakukan melalui arahan pengangkatan untuk mengangkat seorang kanak-kanak.

Daripada takrifan ini, jelas bahawa pengangkatan ialah satu proses yang melibatkan seorang yang belum berkahwin di bawah umur yang ditentukan oleh undang-undang atau seorang perempuan yang telah diceraikan dan berada di bawah umur tersebut, diperakukan oleh mahkamah untuk diangkat (dijadikan anak angkat) atau diulang angkat oleh orang yang dibenarkan. Dapat disimpulkan bahawa terdapat dua elemen utama dalam proses ini. Pertama orang yang diangkat (anak angkat) dan kedua orang yang mengangkat (keluarga angkat). Oleh kerana Akta Pengangkatan 1952 tidak terpakai untuk orang Islam, maka fungsi Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 pula adalah sebagai jaring penyelamat bagi membolehkan orang Islam yang mengambil anak angkat mendapat kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan kepada keluarga angkat seperti mendapatkan pelepasan cukai, memudahkan proses kemasukan ke sekolah dan sebagainya. Ia juga boleh digunakan untuk melindungi kebajikan anak angkat tersebut (<http://www.jpn.gov.my>).

Walaupun bagaimanapun, timbul persoalan adakah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ini sudah memadai untuk memenuhi tuntutan-tuntutan pengangkatan berdasarkan perspektif Islam? Peruntukan-peruntukan perundangan yang digariskan dalam akta ini lebih menurus kepada peruntukan mengenai Ketua Pendaftar, Pendaftar dan kuasa mereka [Seksyen 3, 9, 10(1) dan 10(2)], pelantikan Ketua Pendaftar (Seksyen 4), tugas para Pendaftar (Seksyen 5, 7, 12 dan 13), serta kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penipuan yang berlaku semasa proses pendaftaran pengangkatan (Seksyen 14). Hanya Seksyen 6(1) dan Seksyen 10(2) sahaja menyatakan secara tersirat syarat-syarat untuk membolehkan pendaftaran tersebut dilakukan. Apabila syarat-syarat ini telah dipenuhi, Pendaftar boleh mendaftarkan pengangkatan tersebut apabila menerima borang permohonan daripada pemohon atau pemohon-pemohon. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut [Seksyen 6(1), 10(2), 10(3) dan 10(4)]:

- a. Usia kanak-kanak tersebut hendaklah di bawah 18 tahun.
- b. Kanak-kanak itu belum pernah berkahwin.
- c. Kanak-kanak itu telah pun berada dalam jagaan, dibesarkan, diberikan nafkah dan pendidikan oleh mana-mana orang atau dua suami isteri secara bersama sebagai anak mereka sendiri di bawah mana-mana pengangkatan *de facto* untuk tempoh paling kurang dua tahun berterusan dan betul-betul sebelum tarikh permohonan tersebut.
- d. Orang yang ingin mendaftarkan pengangkatan itu atau pasangan suami isteri tersebut serta kanak-kanak itu hendaklah hadir di hadapan pendaftar bersama bukti lisan atau bertulis yang boleh memuaskan hati pendaftar tersebut bahawa pengangkatan itu telah berlaku.
- e. Ibu bapa (kandung), salah seorang dari mereka, atau penjaga kepada kanak-kanak tersebut hendaklah hadir di hadapan pendaftar untuk memberikan persetujuan terhadap pengangkatan tersebut. Walau bagaimanapun pendaftar boleh mengabaikan persetujuan ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut sekiranya dia berpuas hati dalam semua keadaan bahawa kes tersebut adalah adil dan ianya adalah untuk kebajikan anak tersebut.
- f. Bayaran yang ditentukan hendaklah dibayar.
- g. Pemohon atau salah seorang dari pasangan suami isteri (dalam kes permohonan pengangkatan dibuat oleh pasangan suami isteri) telah mencapai umur 25 tahun dan paling kurang 18 tahun lebih tua dari kanak-kanak itu.

- h. Sekiranya pemohon adalah abang, kakak, bapa saudara atau emak saudara kepada kanak-kanak tersebut, dia hendaklah mencapai usia 21 tahun.
- i. Merupakan penduduk biasa di Semenanjung Malaysia. Sekiranya kanak-kanak tersebut bukan merupakan penduduk biasa Semenanjung Malaysia, maka pendaftar tidak boleh mendaftarkan pengangkatan tersebut.
- j. Kanak-kanak itu hendaklah tidak menjadi subjek di dalam mana-mana arahan pengangkatan berdasarkan Akta Pengangkatan 1952.

Kesemua syarat-syarat ini diwujudkan untuk memastikan kebajikan anak angkat tidak terabai dan sentiasa dilindungi. Penentuan syarat-syarat ini tidak bercanggah dengan Islam. Syarat-syarat tersebut boleh dikenakan berlandaskan kepada konsep *masalih al-mursalah* iaitu pengeluaran hukum berdasarkan kepada kepentingan umum. Walau bagaimanapun, perhatian perlu diberikan kepada syarat 'h' yang membenarkan abang atau kakak untuk mengambil adiknya sendiri sebagai anak angkat dengan syarat mereka mencapai usia 21 tahun. Dalam Islam, abang dan bapa saudara ialah antara orang yang dipertanggungjawabkan untuk membesarkan kanak-kanak sekiranya ibu bapanya meninggal dunia. Susunan wali atau orang yang bertanggungjawab terhadap kebajikan anak-anak telah digariskan dalam sistem pernikahan dan juga *hadhanah* (hak penjagaan) Islam. Ianya akan berpindah ke peringkat yang seterusnya jika peringkat yang sebelumnya tiada. Contohnya, apabila seorang bapa mati, tanggungjawab menjaga anaknya akan diserahkan kepada datuk kanak-kanak tersebut. Jika datuknya tiada, maka diserahkan pula kepada abangnya dan begitulah seterusnya. Proses pendaftaran anak angkat ini bertujuan untuk memudahkan proses pengangkatan, namun ianya tidak merubah atau menambah tanggungjawab mereka yang menjadi wali kepada seorang kanak-kanak. Mereka tetap wajib memelihara kanak-kanak tersebut apabila keadaan memerlukan sama ada didaftarkan atau tidak.

Di samping itu terdapat juga perkara yang perlu diberikan perhatian. Akta Pendaftaran Anak Angkat ini tidak menghalang lelaki dan wanita bujang daripada mengambil anak angkat yang berlainan jantina. Walaupun dalam peraturan pendaftaran anak angkat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ada melarang lelaki bujang mengambil anak angkat perempuan (<http://www.jkm.gov.my>), namun tiada larangan sedemikian dikenakan ke atas wanita bujang untuk mengambil anak angkat lelaki. Ini akan menimbulkan masalah apabila kanak-kanak tersebut semakin membesar. Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya mencadangkan agar wanita Islam yang bujang tidak mengambil anak angkat dari jantina yang berbeza (Nurzan 1997). Namun, cadangan ini tidak menghalang mereka daripada berbuat demikian jika mereka mahukannya. Jika dilihat dari perspektif Islam, sama ada wanita mahupun lelaki bujang, mereka sepatutnya dilarang mengambil anak angkat yang berlainan jantina berdasarkan kepada kaedah *sadd al-zara'i* iaitu menutup pintu yang boleh membawa kepada perkara yang haram (al-Zuhayli 1991).

Akta ini juga tidak menggariskan sebarang panduan yang berkaitan dengan hukum hakam pengangkatan. Ini kerana akta ini diwujudkan dengan matlamat untuk membolehkan pengangkatan de facto didaftarkan bagi tujuan antara lain melindungi kebajikan anak angkat tersebut (Mimi Kamariah 1992). Akta ini tidak bertujuan untuk menggariskan panduan khusus bagi orang Islam yang ingin mengambil anak angkat, lebih-lebih lagi urusan penggubalan enakmen dan peraturan yang berkaitan dengan agama Islam, termasuk anak angkat adalah di bawah bidang kuasa setiap negeri secara eksklusif (Jadual kesembilan, Perlembagaan Persekutuan).

Anak Angkat dan Peruntukan Mengenainya dalam Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Negeri-negeri

Tinjauan yang dibuat terhadap enakmen-enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia mendapati bahawa tiada satu pun peruntukan khusus

membicarakan tentang anak angkat. Tiada sebarang takrifan diberikan kepada anak angkat dan tiada juga sebarang peraturan yang digariskan untuk menjelaskan perkara ini. Begitu juga, tiada satu negeri pun yang mewartakan enakmen atau peraturan khas bagi urusan pengangkatan kanak-kanak, walaupun orang Islam merupakan golongan yang paling ramai memohon. Enakmen-enakmen tersebut hanya menyediakan peruntukan mengenai nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga. Sebagai contoh, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (2003), seksyen 79 memperuntukkan:

- (1) Jika seseorang lelaki telah menerima seseorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana bapa dan ibu kanak-kanak itu tidak berbuat demikian, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang perlu bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu.
- (2) Kewajipan yang ditanggungkan oleh subseksyen (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu dibawa balik oleh bapa atau ibunya.
- (3) Apa-apa wang yang dibelanjakan oleh seseorang lelaki pada menanggung nafkah seseorang kanak-kanak sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu.

Kesemua negeri memperuntukkan peruntukan yang membawa maksud yang sama, hanya susunan peruntukan tersebut yang berbeza. Kelantan, Sabah, Pahang, Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Perak memperuntukkannya dalam Seksyen 79 sama seperti Selangor, manakala Perlis, Wilayah Persekutuan dan Sarawak memperuntukkannya dalam Seksyen 78. Bagi Terengganu, peruntukan ini diletakkan di bawah Seksyen 77, manakala di Perlis peruntukan yang sama diletakkan di bawah Seksyen 66.

Dari satu sudut, peruntukan ini dilihat cenderung kepada menjaga kepentingan keluarga angkat. Keluarga angkat diberikan hak untuk menuntut kembali sebarang perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menanggung anak angkat tersebut dari keluarga kandunginya. Walaupun peruntukan ini baik, namun pengangkatan kanak-kanak dalam Islam tidak hanya tertumpu kepada soal nafkah, tetapi merangkumi konsep, hukum dan peraturan-peraturan yang jelas serta mampu untuk menjaga kebajikan anak angkat dan keluarga angkatnya.

Konsep Pengangkatan dalam Islam

Pengangkatan kanak-kanak dalam Islam mempunyai konsep asas yang perlu difahami di samping beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi. Kegagalan memahami konsep dan garis panduan tersebut mungkin akan merubah hukum pengangkatan yang pada asalnya harus kepada haram. Konsep asas pengangkatan adalah suatu bentuk usaha tolong menolong sesama manusia dan tidak akan merubah nasab keturunan anak tersebut. Dia akan tetap selamanya menjadi anak kepada ibu bapa kandunginya (Ahmad Ibrahim 1984). Konsep ini ditegaskan dengan jelas dalam al-Quran:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ۚ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمُ اللَّائِي تُظَاهِرُونَ مِنهِنَّ
أُمَّهَاتِكُمْ ۚ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلِكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ ۖ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ
وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ ﴿٤﴾ أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوا
أَبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ
بِهِ ۚ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥﴾

Maksudnya:

(Diperintahkan dengan yang demikian kerana) Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya dan Dia tidak menjadikan isteri-isteri yang kamu 'zihar'kan itu sebagai ibu kamu dan Dia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. (Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul (4). Panggillah anak-anak angkat itu dengan berbinkin kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai 'maula-maula' kamu dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (5).

(al-Ahzab: 4-5)

Terdapat juga hadith yang melarang kita melakukan perubahan terhadap nama bapa kandung seorang kanak-kanak. Sa'ad ibn Abi Waqas menyatakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

من ادعى إلى غير أبيه، وهو يعلم أنه غير أبيه، فالجنة عليه حرام

Maksudnya:

Sesiapa yang mendakwa menjadi anak kepada seseorang selain dari bapanya sendiri dan dia tahu bahawa orang itu bukanlah bapanya, maka syurga adalah haram untuknya.

(Sahih Bukhari 2009, no. 6766)

Sebab utama Islam mengharamkan perbuatan menasabkan anak angkat kepada bapa angkatnya, atau menasabkan seseorang kepada bukan bapa kandungnya ialah kerana ianya bertentangan dengan kebenaran (al-Zuhayli 1991). Islam ialah agama yang benar dan tidak akan berkompromi dengan apa jua unsur penipuan. Anak angkat tetap anak angkat. Apa jua yang dilakukan tidak akan merubah hakikat bahawa seseorang itu ialah anak kepada bapa dan ibu kandungnya, bukan bapa mahupun ibu angkatnya. Allah menjelaskan apa yang benar melalui firmanNya:

ذَلِكَ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ

Maksudnya:

Itu hanyalah sekadar ucapan mulut kamu sedangkan Allah memberitahu kamu apa yang sebenarnya dan Allah jua yang menunjukkan jalan (yang benar).

(al-Ahzab: 4)

Apakah kebajikan yang paling utama bagi seorang manusia (termasuk anak angkat) selain daripada memberikannya hak yang mutlak untuk mengetahui kebenaran? Apatah lagi jika kebenaran itu berkaitan dengan persoalan siapa yang melahirkannya. Selain itu, perbuatan mem'bin' atau mem'binti'kan anak angkat kepada keluarga angkat akan memusnahkan sistem kekeluargaan Islam. Islam telah menggariskan satu sistem kekeluargaan yang lengkap merangkumi hak-hak serta tanggungjawab setiap anggota keluarga tersebut (Fuad 1985).

Antara perkara yang akan terjejas akibat amalan penukaran nasab ini ialah pembahagian harta pusaka yang berasaskan kepada hubungan persaudaraan yang asal.

Sistem ini memberikan hak kepada mereka yang berhak secara adil dan jelas seperti yang difirmankan Allah:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ
أَثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ
وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ آبَاؤُهُ
فَلِأُمَّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأَخِيهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ
دَيْنٍ ءِآبَاءُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾ وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ
لَمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ
بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِيَنَّ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ إِنْ لَمْ
يَكُن لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكَتُمُ مِنْ
بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَالَةً أَوْ
امْرَأَةً وَلَهُ إِخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ
ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍ
وَصِيَّةً مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

Maksudnya:

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka

tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyebar.

(an-Nisa': 11-12)

Islam tidak mengiktiraf amalan pengangkatan sebagai cara untuk mendapatkan harta pusaka (Ahmad Ibrahim 1979). Jika kita membenarkan penukaran nasab melalui pengangkatan dilakukan, maka hak keluarga asal akan terjejas atau terhalang. Contoh yang mudah, apabila seorang lelaki yang tidak mempunyai anak mengambil anak angkat dan menasabkannya kepadanya, maka apabila dia mati, hak isterinya akan berkurangan daripada 1/4 kepada 1/8 sahaja, sedangkan anggota baru dalam keluarga tersebut memperoleh 1/7 bakinya. Keadaan ini akan melahirkan pertelingkahan yang tidak pernah dipersetujui oleh Islam (S. Ameenul Hasan Rizvi 1982). Justeru, berdasarkan kaedah sadd al-zar'ah, perbuatan menasabkan setiap individu kepada bukan bapa kandungnya perlu diharamkan, meskipun anak itu dikasihi sama seperti anak sendiri.

Terdapat situasi menasabkan anak angkat kepada bapa angkatnya dengan tujuan untuk menjaga kebajikannya setelah kematian keluarga angkat, namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Memberikan seseorang sesuatu yang bukan haknya bukan merupakan satu kebajikan. Perbuatan ini sama seperti memberikan sesuatu yang haram kepada mereka. Kebajikan anak angkat perlu dijaga, namun tidak wajar sekiranya menjejaskan hak orang lain yang telah diperakukan oleh syarak, lebih-lebih lagi, matlamat menjaga kebajikan anak angkat dengan cara menasabkannya kepada keluarga angkat jelas bertentangan dengan kaedah Fiqh, *al-ghāyah lā tubarrir al-wasīlah* iaitu matlamat tidak menghalalkan cara.

Sistem perkahwinan Islam juga akan terjejas sekiranya amalan penukaran nasab ini dibenarkan. Islam telah menggariskan orang yang haram dinikahi oleh seseorang lelaki sebagaimana yang dinyatakan dalam surah an-Nisa':

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ
وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمْ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ
وَأَخَوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضْعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبَاتُكُمْ الَّتِي
فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ نِّسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا
دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ

أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut), ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(an-Nisa': 23)

Sekiranya anak angkat dinasabkan kepada keluarga angkatnya dan dianggap seperti anak kandung, maka senario ini akan menyebabkan terhalangnya perkahwinan antara anak angkat tersebut dengan adik beradik angkatnya. Perbuatan ini termasuk dalam kategori mengharamkan sesuatu yang dihalalkan Allah dan ianya adalah salah satu perbuatan yang dilarang oleh Allah Ta'ala seperti yang dinyatakan dalam firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْزَمُوا طَيِّبَاتٍ مَّا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا
يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalannya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.

(al-Maidah: 87)

Rasional yang lain ialah kerana perbuatan menasabkan anak kepada bukan bapa kandungnya adalah satu bentuk memutuskan hubungan kekeluargaan antara anak angkat dengan keluarga kandungnya. Allah melarang hambaNya memutuskan hubungan silaturrahim sebagaimana firmanNya:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتَقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

Maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat?

(Muhammad: 22)

Jika memutuskan hubungan sesama Islam yang tiada pertalian darah sudah dilarang, maka apatah lagi antara bapa dan anak kandungnya sendiri. Memutuskan hubungan

persaudaraan antara seorang anak dan keluarga kandungnya tidak boleh dianggap sebagai suatu kebajikan.

Hukum Pengangkatan

Hukum pengangkatan adalah satu contoh yang jelas bagaimana kebajikan anak-anak angkat dijaga rapi oleh Islam. Hukum asal pengangkatan adalah harus berdasarkan kaedah fiqh *al-asl fī al-ashyā' al-ibā'ah* iaitu hukum asal semua perkara adalah harus, (al-Suyuti 1990). Oleh kerana tidak terdapat dalil yang mengharamkan pengangkatan, maka ianya akan kekal dengan hukum asalnya iaitu harus. Walau bagaimanapun, hukum asal tersebut boleh berubah kepada hukum lain. Ia boleh berubah kepada sunat, wajib dan haram. Perubahan hukum ini memfokuskan kepada kebajikan anak-anak tersebut. Pengangkatan akan menjadi sunat apabila ianya dilakukan dengan niat untuk membantu sesama insan. Ini selari dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya saling membantu sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Maidah ayat 2. Antara bentuk bantuan ialah dengan mengambil anak orang lain dan membesarkannya seperti anak sendiri atau dengan istilah mudahnya mengambil anak angkat.

Hukum pengangkatan menjadi wajib sekiranya memudaratkan kanak-kanak terbahit jika tidak dilakukan. Contohnya apabila anak seorang Islam yang kematian ibu bapa dan tidak mempunyai waris beragama Islam yang boleh memeliharanya, maka dalam keadaan ini, menjadi fardhu kifayah ke atas orang Islam lain yang berkemampuan untuk memeliharanya. Jika tiada orang Islam menggalas tanggungjawab ini, maka semua umat Islam yang lain akan berdosa. Bagi melindungi kebajikan anak-anak angkat ini, Islam telah mengambil langkah yang tegas dengan menjadikannya sebagai satu kewajipan yang mesti ditunaikan meskipun tiada dalam peruntukkan perundangan semasa.

Keadaan yang sama juga boleh berlaku kepada orang yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa sebagai keluarga angkat kepada seseorang anak angkat. Dalam keadaan ini, menjadi fardhu ain ke atasnya mengambil dan memelihara kanak-kanak tersebut. Ini berdasarkan kepada firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِي الْاَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan para pemerintah di kalangan kamu.

(an-Nisa: 59)

Hukum pengangkatan menjadi makruh sekiranya terdapat kebimbangan bahawa kebajikan anak angkat tersebut tidak akan dapat dibela dengan baik. Sebagai contoh, apabila keluarga angkat itu berada dalam kemiskinan. Selain itu, hukum pengangkatan juga menjadi haram sekiranya dilaksanakan tanpa menurut garis panduan yang ditetapkan oleh syarak. Situasi ini berlaku sekiranya pengangkatan yang dilakukan membawa kemudaratkan kepada kanak-kanak tersebut sama ada dari segi jasmani, rohani mahupun akidah. Contohnya, apabila pengangkatan dilakukan oleh seorang ibu ayam, penagih dadah, penjenayah atau mereka yang bukan Islam (dalam kes jika kanak-kanak itu beragama Islam). Ini menunjukkan bahawa kebajikan anak-anak angkat menjadi elemen penting yang merubah hukum asal pengangkatan.

Terdapat kaedah fiqh yang bermaksud menghindari kemudaratkan hendaklah didahulukan dari mencari kemanfaatan (al-Suyuti 1990). Walaupun pengangkatan berupaya memberikan manfaat sama ada kepada kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat mahupun kepada ibu bapa angkat, namun apabila diyakini bahawa akan terhasil kemudaratkan terhadap kanak-kanak tersebut atau ibu bapa angkatnya, maka yang perlu

diutamakan ialah menghindari kemudaratan tersebut. Justeru dalam kes ini, pengangkatan adalah dilarang. Ini dikuatkan dengan konsep menjaga amanah yang dititikberatkan oleh Islam. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. bersabda:

فإذا ضيعت الأمانة فانتظر الساعة. قال: كيف إضاعتها؟ قال: إذا وسد الأمر إلى غير أهله فانتظر الساعة

Maksudnya:

“Apabila disia-siakan amanah, maka tunggulah saat kehancuran”. Sahabat bertanya: “Bagaimanakah amanah itu disia-siakan?” Jawab Baginda, “Apabila sesuatu urusan itu tidak diserahkan kepada yang ahlinya (yang layak)”.
(Sahih Bukhari 2009, 59)

Allah berfirman dalam surah al-Nisa ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menyerahkan amanah kepada ahlinya”.

(an-Nisa': 58)

Oleh kerana anak angkat adalah satu amanah, maka sewajibnya dia diserahkan kepada keluarga angkat yang layak memeliharanya. Kegagalan berbuat demikian bukan sahaja menjejaskan hidup kanak-kanak tersebut bahkan bertentangan dengan hadis dan ayat al-Quran di atas. Dari hukum ini dapat disimpulkan bahawa kebajikan menurut Islam bukan sekadar mencukupkan keperluan asas, tetapi turut merangkumi jaminan terhadap perkembangan rohani dan akidah yang baik bagi anak-anak tersebut. Justeru, kebajikan anak angkat menurut Islam bukan sekadar membicarakan kebajikan zahir tetapi juga kebajikan batin.

Garis Panduan Pengangkatan

Hukum syarak menetapkan beberapa garis panduan untuk keluarga yang ingin mengambil anak angkat. Antara garis panduan ini ialah seperti berikut:

- a. Anak angkat dianggap sebagai bukan mahram kepada adik beradik yang lain. Begitu juga dengan ibu dan bapa angkat melainkan sekiranya anak tersebut merupakan mahram mereka, seperti anak saudara. Lantaran itu, hubungan anak angkat, adik beradik angkat dan ibu bapa angkat adalah sama seperti hubungan dengan bukan mahram. Antara jalan penyelesaian yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah ini ialah dengan melakukan proses penyusunan bagi menukarkan status anak angkat itu kepada anak susuan. Melalui cara ini, anak angkat akan menjadi sama seperti anak kandung dari segi hukum pergaulannya (al-Shirbini t.th.). Namun, susuan tidak merubah status bahawa anak tersebut bukan anak kandung keluarga angkatnya. Nama bapa kandungnya tetap dikekalkan dan dia tidak layak untuk menerima sebarang harta pusaka dari keluarga angkatnya. Namun, jalan penyelesaian ini hanya boleh digunakan jika usia anak angkat itu belum melangkaui umur susuan.

- b. Anak angkat tidak boleh mewarisi harta
Seperti yang dinyatakan dalam konsep pengangkatan menurut Islam, anak angkat bukan anak kandung keluarga angkatnya. Maka dia tidak layak untuk diberikan harta pusaka. Ini kerana perbuatan tersebut boleh mencetuskan pertelingkahan sesama adik beradik angkat. Kebajikan anak angkat masih boleh dijaga tanpa merubah hakikat bahawa dia bukan anak kandung yang berhak menerima pusaka dengan cara melakukan *hibah* (pemberian semasa hidup) kepadanya. Bahkan pihak berkuasa boleh menjadikannya sebagai satu peraturan bagi sesiapa yang ingin mengambil anak angkat untuk melakukan hibah berasaskan kepada konsep *masalih al-mursalah* (keadaan-keadaan yang menepati matlamat syariah tetapi tiada dalil yang khusus dari syarak sendiri yang memperakunya atau menafikannya) (al-Zuhayli 1986).
- c. Ibu bapa angkat wajib memastikan kebajikan anak angkat mereka terpelihara sama seperti anak kandung mereka sendiri.
Apabila seorang Muslim membuat keputusan untuk mengambil anak angkat, dia sewajarnya memahami bahawa dia telah membuat keputusan untuk memikul satu amanah dari Allah. Sebagai keluarga baru kepada anak angkat tersebut, adalah menjadi kewajipan kepada mereka untuk memastikan kebajikan anak angkat tersebut terjamin. Segala hak yang diperolehi oleh anak-anak lain seperti nafkah, pendidikan, perlindungan, kesihatan dan kasih sayang perlu diberikan dengan sebaik mungkin mengikut kemampuan keluarga tersebut. Kecuaian melaksanakan tanggungjawab ini bukan sahaja akan memudaratkan anak angkat tersebut bahkan menyebabkan keluarga angkat berdosa di sisi agama. Nabi s.a.w. bersabda:

كلکم راع ومسؤول عن رعیتہ

Maksudnya:

Setiap kamu adalah pemimpin dan akan ditanya tentang orang yang dipimpinya.

(Sahih Bukhari 2009, no. 2409)

Kesimpulan

Kajian yang dilakukan terhadap Akta Pendaftaran Anak Angkat 1952 menunjukkan bahawa akta ini tidak memadai untuk menangani keperluan pengangkatan menurut Islam. Selain itu, peruntukan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam mengenai anak angkat berupaya untuk dijadikan panduan kepada orang Islam dalam mengambil anak angkat. Satu enakmen atau kaedah khas yang boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang perlu diadakan kerana majoriti yang memohon untuk mendaftar pengangkatan anak terdiri daripada orang Islam. Enakmen dan peraturan yang bakal digubal perlu menjadikan kebajikan anak angkat sebagai fokus utama. Ini kerana, penelitian yang dibuat terhadap hukum serta garis panduan pengangkatan Islam menunjukkan bahawa kebajikan anak-anak angkat adalah titik utama yang diberikan perhatian. Justeru, demi kebajikan golongan ini selepas kematian keluarga angkatnya, satu peraturan yang menggalakkan (kalaupun tidak mewajibkan) keluarga angkat untuk membuat wasiat kepada anak angkat tersebut setelah pengangkatan didaftarkan perlu diwujudkan. Penguatkuasaan peraturan ini boleh dibuat berdasarkan kepada kaedah *masalih mursalah*. Keluarga angkat juga boleh mempraktikkan pemberian semasa hidup ataupun hibah kepada anak angkat mereka. Begitu juga, had umur maksima untuk membolehkan seseorang mengambil anak angkat perlu ditetapkan. Melalui penggabalan enakmen atau kaedah khusus pengangkatan Islam, bukan sahaja kebajikan anak angkat akan lebih terpelihara bahkan kebajikan setiap anggota keluarga

Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Enakmen Pentadbiran
Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan

angkat juga tidak akan diabaikan. Sekiranya negeri Selangor boleh mewartakan Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (2008) dan Enakmen Wakaf (1999), negeri Perak boleh mewartakan Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah (1998) dan semua negeri boleh mewartakan Kaedah-kaedah Peguam Syarie masing-masing, maka satu kaedah khusus sebagai panduan kepada orang Islam yang mahu mengambil anak angkat juga perlu diwujudkan.

Rujukan

- Ahmad Ibrahim, 1979, Blood relationship as a ground of inheritance under Islamic Law, *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 1979 (6): 163-238.
- Ahmad Ibrahim, 1984, *Family Law in Malaysia and Singapore*, 2nd Ed., Singapore, Malayan Law Journal.
- Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952.
- Akta Pengangkatan 1952.
- al-Bukhari, 2009, *Sahih al-Bukhārī*, al-Mansurah: Dār alYaqīn.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.
- Fuad Mohd Fachruddin, 1985, *Masalah Anak Angkat dalam Islam*, Jakarta: CV Pedoman Ilmu Jaya.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011, Permohonan anak pelihara, <http://www.jkm.com.my>, [23 Jun 2011].
- Jabatan Pendaftaran Negara, 2011, Anak angkat, <http://www.jpn.com.my>, [21 Jun 2011].
- Mimi Kamariah Majid, 1992, *Undang-undang keluarga di Malaysia*, Malaysian Law Journal Sdn. Bhd., Butterworth.
- Nurzan Mohd Wahie, 1997, *Pemeliharaan Anak Angkat: Satu Panduan*, Kuala Lumpur: Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan.
- S. Ameenul Hasan Rizvi, 1982, The concept of adoption: Islamic socio-legal viewpoint, *Islamic & Comparative Law Quarterly* 2 (2): 118-124.
- al-Shirbini, Muhammad al-Khatib., t.th., *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 3, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Suyuti, Abdul Rahman., 1990, *Al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' Fiqh Al-Shafi'iyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Utusan Malaysia, 2011, Melayu paling ramai mohon anak angkat, <http://www.utusan.com.my>, [22 Jun 2011].
- al-Zuhayli, Wahbah., 1986, *Usul al-fiqh al-Islami*, Jil. 2, Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah., 1991, *al-Tafsir al-Munir*, Jil. 21, Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir.

ENGKU MUHAMMAD TAJUDDIN ENGKU ALI, PhD
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: emtajuddin@unisza.edu.my.